

15 MAY 1999

Mahathir-Penjajahan

PERTAHANKAN MALAYSIA DARI PENJAJAHAN SEMULA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak golongan belia supaya mempertahankan kemerdekaan negara daripada ancaman pihak-pihak yang cuba untuk menjajah semula negara ini.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini segelintir rakyat sudah mulai dijajah pemikiran mereka dengan budaya barat seperti mengeluarkan kata-kata kesat, maki hamun dan mencarut, yang tidak sesuai dengan nilai-nilai budaya ketimuran.

"Kalau kita tidak hati-hati, tidak insafi dan tidak belajar dari sejarah kita, percayalah kita akan dijajah semula," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini.

"Hari ini mereka sedang cuba menjajah semula negara kita, apabila mereka menentukan bentuk ekonomi negara kita, apabila mereka menentukan pemimpin kita, apabila mereka tentukan kerajaan kita, pada masa itu kita sudah tidak bebas dan tidak merdeka lagi," katanya.

Perdana Menteri mahu rakyat negara ini mengekalkan budaya timur yang murni dan bukan budaya barat yang lebih menumpunkan keseronokan tanpa mengambilkira penderitaan pihak miskin.

Dr Mahathir yang memulakan ucapannya dengan menceritakan pengalaman hidupnya melalui empat zaman penjajahan mahu generasi muda sekarang diingatkan tentang penderitaan dan rasa terhina hidup dalam negara yang dijajah.

Beliau juga berharap generasi muda tidak membenarkan diri mereka diperalat dan dihasut oleh orang lain kerana Malaysia adalah sebuah negara demokrasi yang memberi hak kepada rakyatnya untuk menaik dan menurunkan pemimpin mereka sendiri.

"Sekarang sudah ada orang asing bukan warganegara, pemimpin negara asing yang cuba nak menentukan siapa yang patut kita naikkan sebagai pemimpin dan siapa yang patut kita jatuhkan.

"Apakah hak mereka untuk menentukan siapa yang akan menjadi kerajaan di Malaysia, mereka tergamak untuk menyuruh rakyat Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat Malaysia sendiri.

"Ini bukan hak kuasa asing, bukan hak pemimpin asing walaupun negara mereka merupakan kuasa dunia, di Malaysia ini adalah hak rakyat Malaysia," katanya disambut dengan tepukan gemuruh pada hadirin.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini diberi hak menentukan kerajaan pilihan mereka melalui pengundian yang tertib mengikut undang-undang Malaysia dan bukan undang-undang negara lain atau dengan rusuhan.

Orang Malaysia boleh berbaik-baik dengan orang asing tetapi jangan pula mereka (orang asing) menganggap dengan itu mereka sudah mempunyai hak untuk mengarah rakyat negara ini menentukan siapa yang harus dipilih dan siapa tidak.

Perdana Menteri berkata, pihak asing telah menjatuhkan pemimpin negara hanya dengan menjatuhkan nilai mata wang sehingga beberapa negara terpaksa pergi meminta pertolongan dari mereka dan dikenakan syarat-syarat yang menghinakan.

"Saya kkuatir generasi saya akan hilang kerana sudah tua, sudah usang dan patut diganti, tetapi janganlah generasi yang tua itu diganti dengan generasi baru yang hanya tahu menurut arahan orang asing," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia memerlukan pemimpin yang berpandangan

jauh dan mempunyai wawasan untuk masa depan, bukan pemimpin yang mudah kecewa dan menjadi burung kakak tua yang cuma pandai menyuarakan apa yang diperkatakan oleh orang lain.

Perdana Menteri yang meminta golongan muda supaya tidak terpengaruh dengan hasutan pihak luar mahu mereka menyedari bahawa Malaysia mencapai kemajuan kerana: "Kita menentukan nasib kita mengikut cara kita."

Umpamanya dalam menghadapi kegawatan ekonomi Malaysia tidak menjadi pak turut dengan meminta bantuan daripada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), sebaliknya mencari cara sendiri yang tidak pernah dicuba oleh sebarang negara di dunia.

Walaupun banyak pihak mengecam langkah Malaysia itu tetapi kini ia ternyata suatu cara yang baik untuk memulihkan ekonomi, katanya.

"Mengambil jalan kita sendiri memang menakutkan, adalah lebih mudah kalau kita bersama-sama dengan kumpulan yang besar, bersama orang lain, tetapi apabila bersama dengan orang lain dengan tidak menggunakan akal fikiran kita sendiri menjadi seperti lembu yang mengikut-ikut sahaja, maka kita akan hilang kemerdekaan kita.

"Apa maknanya kemerdekaan kalau kita tidak boleh bertindak mengikut kehendak diri kita sendiri," katanya.

-- BERNAMA

AFY AKD